

## TM DAN CYBERSECURITY MALAYSIA BERGABUNG KEPAKARAN BAGI MEMPERKUKUH KETAHANAN RUANG SIBER NEGARA

- *Kerjasama ini akan membina kesedaran keselamatan siber yang lebih tinggi, meningkatkan tahap kematangan keselamatan siber Malaysia dan memperkuuh ketahanan ruang siber.*
- *Kedua-dua syarikat akan saling memanfaatkan kepakaran, keupayaan teknikal dan amalan terbaik global untuk mewujudkan ekosistem siber yang lebih selamat dan lebih mantap.*

Telekom Malaysia Berhad (TM) melalui unit penyelesaian perniagaan perusahaan dan sektor awamnya, TM ONE, hari ini memeterai satu Memorandum Kolaborasi (MoC) dengan CyberSecurity Malaysia, agensi pakar keselamatan siber nasional di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM), untuk memperkasa dan memperkuuhkan tahap keselamatan siber di Malaysia.

MoC tersebut ditandatangani dalam satu acara yang diadakan secara maya oleh Dato' Ts. Haji Amirudin Abdul Wahab FASc, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia dan Imri Mokhtar, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GCEO), TM. Majlis tersebut telah disaksikan oleh Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd Azumi Mohamed (Bersara), Penggerusi Lembaga Pengarah, CyberSecurity Malaysia dan Tan Sri Dato' Seri Mohd Bakke Salleh, Penggerusi TM.

Acara tersebut turut diserikan dengan kehadiran YB Dato' Saifuddin Abdullah, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia.

Mengulas mengenai aspek-aspek penting dalam memorandum tersebut, Tan Sri Dato' Seri Mohd Bakke Salleh berkata: "Kami berbesar hati untuk bekerjasama dengan CyberSecurity Malaysia dalam inisiatif strategik ini, yang bertujuan untuk meningkatkan jaringan dan ekosistem keselamatan siber negara dan memperkuuh keyakinan Malaysia di ruang siber. Ianya amat penting untuk memastikan penerimaan keselamatan siber seiring dengan kepantasan transformasi bagi menjamin ekonomi digital negara. Sebagai rakan strategik, kami amat gembira dapat berkongsi kepakaran kami bukan hanya untuk inisiatif ini tetapi juga dalam misi Malaysia untuk meningkatkan keupayaan keselamatan sibernya. Kerjasama ini akan membolehkan kedua-dua pihak meningkatkan kemampuan sektor awam dan perniagaan bagi menangkis serangan siber yang datang dari seluruh pelosok dunia dan menjadikan keselamatan siber sebagai teras utama ke arah ekonomi digital, kerajaan digital dan masyarakat digital yang lestari. TM sebagai pemacu Digital Malaysia, bersedia untuk memenuhi keperluan keselamatan siber untuk menjayakan penggunaan perkhidmatan awan: dan membolehkan organasi-organisasi memberi tumpuan kepada perjalanan transformasi mereka dengan selamat dan selesa."

Sementara itu, Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Mohd Azumi Mohamed (Bersara) berkata, "Sebagai pakar dan agensi teknikal keselamatan siber, CyberSecurity Malaysia amat komited untuk memastikan aspek e-Keselamatan negara dan akan terus mengenal pasti bidang yang boleh membahayakan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat. Fokus utama adalah untuk memperkuuh kapasiti melalui pemantauan dan memberikan tindak balas yang berkesan terhadap ancaman dan serangan siber untuk mengelakkan kesan yang besar. Dengan termeterainya usahasama strategik ini, prinsip dan mekanisme kolaborasi akan membolehkan kedua-dua entiti bergabung dan mendapat manfaat daripada teknologi dan kepakaran masing-masing, justeru membolehkan kedua-dua organisasi bertindak sebagai rakan strategik komersial di peringkat domestik dan antarabangsa."

Inisiatif di antara kedua-dua pihak termasuklah perkongsian amalan terbaik global, memanfaatkan keupayaan teknikal satu sama lain dan akan membawakan penyelesaian teknologi keselamatan siber yang optimum kepada perusahaan tempatan dan sektor awam. Peranan TM merangkumi menawarkan penyelesaian keselamatan siber komprehensif yang menyeluruh buat Malaysia dan seluruh dunia. Ini dilaksanakan melalui CYDEC, yang merupakan portfolio keupayaan pertahanan siber aktif, produk dan perkhidmatan keselamatan terurus, yang dikuasakan oleh Pusat Operasi Keselamatan Global TM (GSOC). CYDEC nyata membuka ruang kepada keyakinan digital dan ketahanan siber yang lebih tinggi dalam era digital. Perkhidmatan keselamatan terurus ini memastikan akses kepada keselamatan siber masa nyata, berterusan, bersifat ramalan, dengan cepat dan tanpa kerumitan, untuk jaminan tambahan dan berada pada kedudukan terbaik untuk menjamin keselamatan dan melindungi Infrastruktur Rangkaian & Maklumat Kritikal (CNII) strategik negara kita.

Satu lagi aspek utama kolaborasi strategik ini adalah untuk meneroka pembangunan keupayaan pemantauan keselamatan yang dipertingkatkan dengan memanfaatkan infrastruktur awan TM ONE yang lengkap. Kedua-dua pihak juga akan berusaha untuk memajukan keupayaan forensik digital dan meningkatkan perkhidmatan tindak balas insiden. Ini akan mengetengahkan jangkauan siber, program pembangunan keupayaan dan kapasiti, yang akan membantu meningkatkan kemahiran dan potensi kecerdasan digital bagi tenaga kerja sektor awam dan swasta negara.

MoC ini juga menandakan keutamaan berterusan untuk menangani lonjakan ancaman siber yang memberikan kesan kepada kedua-dua sektor awam dan perniagaan sebagai langkah asas untuk membolehkan kelestarian, keselamatan dan masyarakat digital yang berjaya.

Penyelesaian keselamatan siber TM ONE CYDEC merangkumi empat (4) elemen penting:

- Penyedia Perkhidmatan Keselamatan Terurus – penyelesaian dan pengurusan keselamatan menyeluruh dalam masa nyata melalui perlindungan ramalan di rangkaian persendirian atau awam
- Perkhidmatan Langganan Keselamatan Siber – portal Perlindungan Risiko Digital layan diri yang dikuasakan oleh syarikat telekomunikasi global terkenal, Telefonica
- Perkhidmatan Identiti Digital – memberikan sijil pengesahan dan tandatangan digital yang mematuhi sistem kawalselia dan perundangan Malaysia
- Perkhidmatan Profesional – menawarkan khidmat perundingan dan penilaian keselamatan menyeluruh terhadap strategi dan landskap keselamatan siber sesebuah organisasi

Untuk maklumat lanjut mengenai penyelesaian keselamatan siber CYDEC TM ONE, layari [www.tmone.com.my/solutions/cybersecurity-services](http://www.tmone.com.my/solutions/cybersecurity-services) dan untuk maklumat lanjut mengenai CyberSecurity Malaysia, layari [www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my).

#End#

## **Mengenai TM ONE**

TM ONE, cabang penyelesaian perniagaan perusahaan dan sektor awam Kumpulan Telekom Malaysia Berhad (TM), merupakan SATU-SATUNYA PEMACU bagi perniagaan untuk merealisasikan sepenuhnya potensi peluang digital mereka. TM ONE membolehkan perjalanan digital pelanggan dan / atau rakan kongsi kami melalui penyelesaian menegak dan mendatar yang lancar di mana ia disatukan oleh anggota, proses dan teknologi canggih kami. Penyelesaian digital TM ONE yang efektif memberi penggunaan produk dan perkhidmatan yang terkhusus dan dinamik untuk disesuaikan dengan perjalanan pelanggan perusahaan dan sektor awam kami ke arah transformasi digital mereka.

Bersama dengan pasukan pakar multinasional kami di seluruh Malaysia dan Indonesia, kepakaran dan kemahiran luas dalam kalangan anggota TM ONE membezakan kami daripada yang lain. TM ONE memacu perniagaan dengan penyelesaian digital inovatif khusus berasaskan nilai yang membolehkan pelanggan kami memberi fokus sepenuhnya kepada perniagaan utama mereka. Ini selari dengan falsafah TM "Menjadikan Hidup Lebih Mudah", demi Kesejahteraan Malaysia.

Untuk maklumat lanjut mengenai TM ONE, layari [www.tmone.com.my](http://www.tmone.com.my)

## **Mengenai TM**

Telekom Malaysia Berhad (TM) merupakan penyedia infrastruktur sambungan dan digital negara dan syarikat telekomunikasi bersepadu terkemuka di Malaysia; bersedia memacu Digital Malaysia dengan menawarkan himpunan perkhidmatan dan penyelesaian komunikasi yang menyeluruh dalam perkhidmatan tetap (telefoni dan jalur lebar), mobiliti, kandungan, WiFi, Awan, Pusat Data, Keselamatan Siber, IoT dan perkhidmatan pintar. TM didorong oleh penciptaan nilai pihak berkepentingan dalam persekitaran yang amat kompetitif. serta memberi tumpuan kepada penyampaian pengalaman pelanggan yang dipertingkatkan melalui usaha-usaha peningkatan kualiti dan inovasi khidmat pelanggan berterusan, sambil memfokus kepada peningkatan kecekapan operasi dan produktiviti.

Untuk maklumat lanjut mengenai TM, layari [www.tm.com.my](http://www.tm.com.my).

## **Mengenai CyberSecurity Malaysia**

CyberSecurity Malaysia merupakan agensi pakar teknikal keselamatan siber nasional di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). CyberSecurity Malaysia komited dalam menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan, program dan inisiatif berpaksikan inovasi keselamatan siber bagi membantu mengurangkan kerentenan sistem digital, dan pada masa yang sama mengukuhkan prasarana keselamatan siber Malaysia. Antara perkhidmatan keselamatan siber yang disediakan ialah Perkhidmatan Responsif Keselamatan Siber; Perkhidmatan Proaktif Keselamatan Siber; Jangkauan dan Pembangunan Kapasiti; Kajian Strategik dan Penglibatan, dan Pembangunan Industri dan Penyelidikan.

Untuk maklumat lanjut mengenai CyberSecurity Malaysia, sila layari <http://www.cybersecurity.my>

**Dikeluarkan bersama oleh:**

Komunikasi Strategik Kumpulan  
Telekom Malaysia Berhad  
Aras 9 (Utara), Menara TM  
Jalan Pantai Baharu  
50672 Kuala Lumpur

DAN

Outreach & Komunikasi Korporat  
CyberSecurity Malaysia  
Aras 7, Menara Cyber Axis  
Jalan Impact  
63000 Cyberjaya  
Selangor

**Sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

**TM**

- |   |  |  |
|---|--|--|
| 1 | Asma Abdul Aziz<br>Penolong Pengurus Besar<br>Pengurusan Media, Perhubungan Awam & Penerbitan<br>Komunikasi Strategik Kumpulan | HP: (013) 364 1830<br>Emel: <a href="mailto:asma_aa@tm.com.my">asma_aa@tm.com.my</a> |
| 2 | Saiful Azni Matmor<br>Pengurus<br>Pengurusan Media, Perhubungan Awam & Penerbitan<br>Komunikasi Strategik Kumpulan             | HP: (013) 360 3496<br>Emel: <a href="mailto:msaiful@tm.com.my">msaiful@tm.com.my</a> |

**CyberSecurity Malaysia**

- |   |  |   |
|---|--|---|
| 1 | Mohd Shamil Mohd Yusoff<br>Ketua, Outreach & Komunikasi Korporat<br>Bahagian Outreach & Pembangunan Kapasiti   | HP: +6012-2496938<br>Emel: <a href="mailto:shamil@cybersecurity.my">shamil@cybersecurity.my</a>       |
| 2 | Zul Akmal Abdul Manan<br>Eksekutif, Outreach & Komunikasi Korporat<br>Bahagian Outreach & Pembangunan Kapasiti | HP: +6012-3245867<br>Emel: <a href="mailto:zul.akmal@cybersecurity.my">zul.akmal@cybersecurity.my</a> |